

*Jurnal Penyelidikan Tindakan*  
*Tahun 2008, Jilid 2*

terbitan

**INSTITUT PERGURUAN BATU LINTANG,  
KUCHING, SARAWAK**

Jurnal Penyelidikan Tindakan  
Tahun 2008, Jilid 2

Institut Perguruan Batu Lintang,  
Jalan College,  
93200 Kuching,  
Sarawak.

ISSN: 1823-3244

**Cetakan Pertama: 2008**

© Hak cipta terpelihara IPBL. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2008, Jilid 2 ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penyunting Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2008, Jilid 2, Institut Perguruan Batu Lintang, Jalan College, 93200 Kuching, Sarawak. Pembaca diingatkan bahawa hasil penulisan pada jurnal ini adalah semata-mata pandangan para penyumbang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan penyunting Jurnal Penyelidikan Tindakan tahun 2008, Jilid 2.

**JAWATANKUASA PENERBITAN  
JURNAL PENYELIDIKAN TINDAKAN TAHUN 2008 JILID 2**

**Penaung**

En. Abdillah Bin Adam

*Pengarah*

*Institut Perguruan Batu Lintang*

**Penasihat**

Pn. Hamsiah Binti Abdullah Masni

*Timbalan Pengarah*

*Institut Perguruan Batu Lintang*

**Pengerusi**

Dr Toh Wah Seng

*Ketua Jabatan*

*Jabatan Penyelidikan & Pembangunan Profesionalisme*

*Institut Perguruan Batu Lintang*

**Penyunting**

Pn. Chuah Kim Hwa

**Sidang Pengarang**

Benjamin anak Kibong

Christina Agang

Lucy Chuo Mee Hong

Azman Bin Ariffin

Zaleha Binti Fadzil

Dr Toh Wah Seng

## KANDUNGAN

Kandungan .....	iv
Kata Alu-aluan .....	v
Dari Meja Penyunting .....	vi
<i>Pengarang/ Tajuk</i>	<i>Muka surat</i>
<b>Benjamin anak Kibong</b> <i>Tiga sekawan</i>	1
<b>Christina Agang</b> <i>Story problem in Mathematics (Division with remainder)</i>	17
<b>Lucy Chuo Mee Hong</b> <i>Encouraging EST teacher to use ICT equipment in teaching through peer coaching</i>	32
<b>Azman Bin Ariffin dan Zaleha Binti Fadzil</b> <i>Terima kasih, Cikgu!</i>	51
<b>Toh Wah Seng</b> <i>Improving Exploring Humanitarian Law (EHL) teacher training through action research</i>	67

## **KATA ALU-ALUAN**

### **PENGARAH INSTITUT PERGURUAN BATU LINTANG**

Bismillahirrahmanirahim,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu  
dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, Jurnal Penyelidikan Tindakan tahun 2008, Jilid 2 dapat diterbitkan. Pendokumentasian hasil laporan penyelidikan seperti laporan penyelidikan tindakan (PT) merupakan salah satu usaha membudayakan serta memantapkan budaya ilmu. Dan ini merupakan salah satu agenda penting semua Institut Pendidikan Guru. Institut Perguruan Batu Lintang (IPBL) tidak terkecuali dan sekali lagi mengorak langkah ke arah merealisasikan salah satu hala tuju Kementerian Pelajaran Malaysia dan budaya ilmu IPG.

Penerbitan jilid ini mempunyai kelainannya kerana memuatkan hasil laporan PT sumbangan para guru dalam perkhidmatan yang terlibat dalam Bengkel Penyelidikan Tindakan di bawah Program Kursus Pendek Kelolaan IPBL dan sumbangan para pensyarah IPBL yang terlibat dalam Bengkel PT serta berminat dalam PT. Justeru, syabas dan tahniah diucapkan kepada enam orang penyumbang artikel PT yang sudi berkongsi pengalaman dan dapatan ekoran daripada usaha menambahbaik amalan kendiri. Semoga, perkongsian ini dapat menjadi ikhtibar kepada para pendidik dan penyelidik lain untuk mengkaji amalan kendiri untuk tujuan penambahbaikan.

Syabas dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti PT yang akhirnya membolehkan terhasilnya laporan untuk disumbangkan dalam jurnal ini. Semoga usaha murni ini mendatangkan manfaat kepada para pendidik secara khususnya dan memartabatkan profesion keguruan secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

**(ABDILLAH BIN ADAM)**

Pengarah,  
Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching

## DARI MEJA **PENYUNTING**

Jurnal Penyelidikan Tindakan tahun 2008 Jilid 2 memuatkan lima hasil laporan penyelidikan tindakan (PT) antara lain daripada kalangan peserta Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat Lanjutan anjuran Institut Perguruan Batu Lintang (IPBL) di bawah program Kursus Pendek Kelolaan IPBL serta Bengkel Penyelidikan Tindakan untuk Pensyarah IPBL. Salah satu laporan PT jurnal ini dihasilkan oleh penyelidik yang berminat dalam PT.

Setiap laporan PT yang dimuatkan pada jurnal ini merupakan hasil nukilan para penyumbang yang cuba menggambarkan perjalanan dan pengalaman mereka menjalankan PT di samping memuatkan dapatan mereka semasa menjalankan PT masing-masing. Kerja-kerja penyuntingan yang dibuat adalah pada aspek teknikal tanpa menjejas makna yang hendak disampaikan oleh para penyumbang dan penyelidik.

Laporan PT yang dimuatkan pula adalah berkaitan dengan penambahbaikan amalan kendiri serta usaha-usaha pendidik dan penyelidik berkenaan membantu anak didik masing-masing. Laporan PT **Benjamin anak Kibong** bertajuk *Tiga Sekawan* menceritakan bagaimana beliau membantu tiga orang muridnya yang tidak mahir menulis nombor 1 hingga 9. **Christina Agang** pula berusaha mengurangkan jurang antara teori dan aplikasi Matematik dalam kalangan murid-murid Tahun 3 melalui pengenalan *story problem* sebelum memperkenalkan konten dalam Matematik dalam kajiannya bertajuk *Story problem in Mathematics (Division with Remainder)*. **Lucy Chuo Mee Hong** melalui laporan PTnya bertajuk *Encouraging EST teacher to use ICT equipment in teaching through peer coaching* pula memaparkan kisah dan dapatan beliau semasa melaksanakan *peer coaching*. **Azman Bin Ariffin** dan **Zaleha Binti Fadzil** dalam kajian mereka yang bertajuk *Terima kasih, Cikgu!* mengisahkan beberapa siri tindakan mereka untuk menambahbaik amalan p&p mereka ke arah membantu pelajar mereka mengucapkan terima kasih. *Improving Exploring Humanitarian Law (EHL) teacher training through action research* merupakan tajuk laporan PT **Toh Wah Seng**. Laporan ini bertujuan berkongsi dengan pembaca hasil penggunaan PT dalam menambahbaik secara berterusan latihan keguruan berkaitan dengan EHL.

Pelbagai pihak telah terlibat dalam menjayakan pendokumentasian Jurnal Penyelidikan Tindakan tahun 2008, Jilid 2 yang bermula dari pelaksanaan bengkel dan kursus. Justeru, terlebih dahulu, jutaan terima kasih dirakamkan kepada En. Abdillah Bin Adam, Pengarah IPBL dan Pn. Hamsiah Bt Abdullah Masni, Timbalan Pengarah IPBL atas usaha serta sokongan dalam merealisasikan agenda Bahagian Pendidikan Guru, yakni dari segi memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan guru-guru dalam perkhidmatan dan para pensyarah IPBL melalui pelbagai program dan aktiviti penyelidikan.

Kepada para fasilitator yang terlibat iaitu Dr Toh Wah Seng selaku Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme IPBL, Dr Mary Wong Siew Lian, Dr Chua Lee Chuan dan En. Nazamud-din Bin Alias, setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kerana bersama-sama melaksanakan tugas selaku fasilitator dalam bengkel-bengkel yang telah diadakan.

Semoga usaha murni pendokumentasian laporan PT para penyumbang jurnal ini bukan sahaja memanfaatkan para penyumbang malahan berperanan sebagai pencetus idea kepada kepada para pendidik dan penyelidik yang berminat menambahbaik amalan kendiri dalam bilik darjah melalui PT.

Selamat membaca dan menyelidik!

Sekian, terima kasih.

### **CHUAH KIM HWA**

Penyunting,  
Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2008, Jilid 2  
Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching.